



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

16 Mei 2002

PEKELILING MAJIKAN BIL. 5/2002
PENGGUNAAN BORANG 2A, 2B DAN 2C YANG TELAH DICETAK DENGAN
BARCODE

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai penggunaan borang 2A, 2B dan 2C yang telah dicetak dengan *barcode*.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa kini, bank yang dilantik oleh PSMB untuk mengutip bayaran levi semasa, tertunggak dan faedah ialah RHB Bank dan Public Bank. Borang yang digunakan untuk tujuan bayaran levi semasa ialah borang 2A manakala borang 2B digunakan untuk bayaran levi tertunggak. Borang 2C pula digunakan untuk bayaran faedah.
- 2.2 Borang 2A, 2B dan 2C dicetak dengan barcode bertujuan untuk mengurangkan kesilapan mengisi nama majikan, kod majikan dan bulan bayaran.

3. PENGGUNAAN

- 3.1 Mulai bulan Jun 2002, PSMB akan mengedar 6 borang 2A yang telah dicetak dengan barcode kepada semua majikan bagi tujuan bayaran levi untuk bulan Julai hingga Disember 2002.
- 3.2 Mulai bulan Jun 2002 juga, PSMB akan menghantar borang 2B dan 2C yang telah dicetak dengan barcode kepada majikan-majikan tertentu sahaja bagi membolehkan mereka membuat bayaran levi tertunggak dan faedah.
- 3.3 Walaupun bayaran levi semasa, tertunggak dan faedah boleh dibuat di mana-mana cawangan RHB Bank dan Public Bank, tetapi kemudahan membaca borang yang telah dicetak dengan barcode tersebut hanya boleh dilakukan di Public Bank sahaja.

4. PERINGATAN

- 4.1 Walaupun hanya Public Bank sahaja yang menyediakan kemudahan untuk membaca borang 2A, 2B dan 2C yang telah dicetak dengan barcode tetapi ini tidak bermakna bayaran levi tidak boleh dibuat di mana-mana cawangan RHB Bank. RHB Bank masih lagi boleh menerima bayaran levi, tunggakan dan faedah bagi memudahkan majikan membuat bayaran.

5. **PENUTUP**

- 5.1 Untuk keterangan lanjut, pegawai PSMB yang boleh dihubungi adalah Puan Haliza binti Hassan (nombor telefon : 03-20984827) dan Cik Noor Hayati binti Awang (nombor telefon : 03-20984875).

Sekian dimaklumkan. Terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)
Pengarah kewangan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

